

# Lima pusat perintis Permata ditubuh Mac

Tiada bayaran dikenakan, ibu bapa <sup>BH-10/2/2007</sup> wajib tandatangan Akujanji

Oleh Azrina Ahzan

**P**UTRAJAYA: Seramai kira-kira 150 kanak-kanak akan menyertai projek perintis pendidikan dan penjagaan awal kanak-kanak (Permata) di lima pusat yang akan ditubuhkan bulan depan, kata Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, projek perintis Permata itu akan dimulakan di Putrajaya; Subang Jaya, Selangor; Mempaga, Pahang dan Kepala Batas, Pulau Pinang pada 1 Mac ini sebelum disusuli Cini, Pahang mulai April.

Katanya, tiada sebarang bayaran akan dikenakan kepada ibu bapa yang menghantar anak mereka mengikuti projek perintis itu, tetapi mereka semua diwajibkan menandatangani surat Akujanji.

"Surat Akujanji itu adalah sebagai prasyarat bagi memastikan pembabitkan aktif semua ibu bapa yang anak mereka terbabit dalam program berkenaan selain sebagai galakan kejayaannya.

"Pengecualian bayaran diharap mampu memberi semangat kepada ibu bapa untuk terbabit secara aktif memandangkan potensi anak di bawah enam tahun akan lebih menyeluruh jika mendapat kasih sayang dan perhatian mereka," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Permata Negara di sini, semalam. Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Permata, Datin Seri Rosmah Mansor dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.



**CAPAI KEPUTUSAN:** Najib mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Permata Negara yang turut dihadiri Rosmah dan Shahrizat (kanan) di Putrajaya, semalam.

Najib berkata, fasa kedua projek itu yang bertemakan 'Setiap Anak Adalah Permata' akan dilancarkan di seluruh negara pada Ogos ini, selepas pelaksanaan fasa pertamanya yang bermula Mac selesai.

Katanya, Jawatankuasa Permata Negara sudah memaklumkan hasrat itu kepada semua kerajaan negeri supaya memulakan projek perintis pada peringkat negeri masing-masing pada tarikh berkenaan.

"Fasa kedua bakal dilaksanakan mulai Ogos ini memabitkan lokasi di Negeri Sembilan, Kelantan, Kedah, Terengganu, Johor, Perak, Perlis, Sabah dan Sarawak," katanya

Selain itu, Najib berkata, Jawatan-

FAKTA NOMBOR

Projek Permata

150

Kanak-kanak sertai projek printis

RM20j

Peruntukan bina pusat penjagaan

kuasa Permata Negara semalam turut meluluskan Dasar Permata Negara yang merangkumi matlamat dan strategi pendidikan awal bagi kanak-kanak berusia bawah enam tahun.

"Keputusan itu dibuat selepas mendapati pendidikan kanak-kanak bawah umur enam tahun dianggap kritikal bagi menentukan hala tuju pembangunan negara pada masa akan datang," katanya.

Sementara itu, Rosmah berharap kerajaan akan menerima pakai program itu untuk dilaksanakan di seluruh negara, selepas keputusan penilaian terhadap projek perintis diperolehi tahun depan.